

# PEMAKAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT BAGI PAKAIAN ISTIADAT ANGGOTA PENTADBIRAN PERSEKUTUAN (SIANG)

## HARI KALUNG

### Kalung

- Hanya boleh dipakai pada Hari Kalung
- Hanya satu kalung boleh dipakai dalam satu masa
- Kalung **TIDAK BOLEH** dipakai pada waktu malam
- Dipakai terletak sama labuh di bahagian hadapan dan belakang
- Disusupkan di bawah epolet



### Lencana Leher



- Tiga lencana leher boleh dipakai bersekali dalam majlis siang hari dengan yang terkanan berada di atas
- Dipakai tergantung dengan pita riben

### Bintang dan Pingat

- Hendaklah dipakai di dada kiri. Sekiranya melebihi satu, hendaklah disusun lurus dan yang terkanan sekali diletakkan hampir dengan tengah dada
- Susunan tindih kasih di atas palang yang panjangnya tidak melebihi 15.0 cm

### Bintang Darjah

- Dipakai di sebelah rusuk kiri dada
- Tidak melebihi 3 dipakai dalam satu masa



### Selepan Darjah

- Dipakai di bahu kanan ke pinggang kiri
- Disusupkan di bawah epolet
- Dipakai sekali dengan lencana darjah